



Pelan **ANTIRASUAH ORGANISASI**



**ORGANISATIONAL
ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)**

2021 – 2025



Institut Penyelidikan dan
Kemajuan Pertanian
Malaysia (MARDI)

Pelan **ANTIRASUAH ORGANISASI**



**ORGANISATIONAL
ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)**

2021 – 2025



Diterbitkan oleh:

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Ibu Pejabat MARDI, Serdang

Persiaran MARDI-UPM

43400 Serdang Selangor, Malaysia

Cetakan pertama 2021

©Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 2021

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada MARDI.

Dicetak oleh:

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Malaysia



Pelan **ANTIRASUAH ORGANISASI**



**ORGANISATIONAL
ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)**

2021 – 2025



Institut Penyelidikan dan
Kemajuan Pertanian
Malaysia (MARDI)



AMANAT

KETUA PENGARAH MARDI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Integriti.

MARDI sentiasa komited untuk merealisasikan visi sebagai penjana terulung teknologi inovatif untuk kelestarian dan daya saing industri pertanian menjelang 2030. Dalam usaha untuk mencapai visi ini, MARDI perlu terus mengamalkan tadbir urus baik serta mempunyai warga kerja yang memiliki keperibadian yang unggul, berintegriti tinggi dan bebas daripada rasuah.

Selaras dengan komitmen kerajaan dan aspirasi rakyat Malaysia dalam menangani permasalahan rasuah, kerajaan telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada 29 Januari 2019. Antara strategi yang telah digariskan dalam NACP adalah mewajibkan sektor awam termasuk badan berkanun untuk mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi/*Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) masing-masing. Justeru, OACP MARDI 2021 – 2025 diwujudkan sebagai pernyataan bahawa MARDI sentiasa bersama kerajaan dalam usaha menghentikan sebarang bentuk rasuah daripada terus berkembang.

OACP MARDI 2021 – 2025 merupakan dokumen dasar bagi pelan tindakan pengurusan strategik antirasuah yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan dalam aspek governans, integriti dan antirasuah di MARDI. Pelan ini diharap dapat melonjakkan reputasi dan imej MARDI daripada pelbagai ketidakakuran peraturan, tohmahan rasuah dan tatakelakuan dalam kalangan warga Institut.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas daya usaha dalam membangunkan OACP MARDI 2021 – 2025. Saya juga menggesa agar semua warga Institut untuk bersama-sama memastikan setiap inisiatif yang dirangka dalam pelan ini difahami, dihayati dan diamalkan agar visi, misi dan matlamat OACP MARDI dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR MOHAMAD ROFF BIN MOHD NOOR
Ketua Pengarah MARDI



PERUTUSAN

PENGERUSI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP MARDI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Integriti.

Saya bersyukur ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah dan rahmat-Nya MARDI telah berjaya menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi/*Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) MARDI 2021 – 2025. Keperluan untuk mewujudkan OACP ini telah dinyatakan dalam Strategi 2, Perkara 2.1.5 dan Strategi 6, Perkara 6.2.1 – Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019: Pemantapan Governans, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Pelan ini disediakan bersumberkan kepada pangkalan data sedia ada dan perancangan senario. Setiap pelan tindakan dan inisiatif yang dibangunkan dalam pelan ini terhasil daripada perbincangan dan sesi *brainstorming* semasa Bengkel Pembangunan dan Sesi Mesyuarat Pemurnian Kerangka OACP. Saya berharap agar pelan ini dapat dijadikan sebagai suatu mekanisme bagi mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi digunakan ke arah pemantapan governans, integriti dan antirasuah.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa OACP MARDI, wakil daripada Pusat Tanggungjawab dan Ketua Pusat Tanggungjawab, Pegawai dari Institut Integriti Malaysia serta mana-mana individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan usaha mewujudkan OACP MARDI 2021 – 2025 ini.

Saya amat berharap agar MARDI dapat meneruskan usaha dengan lebih tekad untuk menentang segala angkara rasuah, meningkatkan integriti dalam kalangan warga kerjanya dan meneruskan amalan tadbir urus yang baik.

Sekian, terima kasih.


HASIMAH BINTI HAFIZ AHMAD

Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan)

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan OACP MARDI 2021 – 2025

PETIKAN NOTA KETUA PENGARAH DAN TIMBALAN-TIMBALAN KETUA PENGARAH

Rasuah musuh negara.
OACP Panduan Bersama.
Integriti bukan sekadar
Kepercayaan atau tindakan
tetapi sikap yang dihayati
dan dipraktikkan dalam
kehidupan seharian.


TAPOR BIN SERIN
Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan & Operasi)
MARDI

16/1/2021

"Semoga Pelan OACP MARDI berjaya dalam visinya
"MARDI berintegriti dan bebas rasuah berlandaskan
tadbir urus terbaik".
Marilah kita sama-sama berusaha bagi menjamin
kejayaannya demi petani dan usahawan industri
pertanian negara.


HASIMAH HAFIZ AHMAD



Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia


Kepada :

Daripada :

DATUK DR. MOHAMAD ROFF BIN MOHD NOOR
Ketua Pengarah MARDI

Perkara :

Dokumen ini merupakan
panduan untuk menghalang
dan memberantas perbuatan
rasuah. Diherap pelan OACP
ini dapat mewujudkan budaya
integriti yang ~~semerang~~ di MARDI.
Syabas dan tahniah kepada semua
yang terlibat dalam membangunkan
pelan ini.


Mac 2021

KATA ALU-ALUAN

PENGARAH UNIT INTEGRITI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Integriti.

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) 2021 – 2025 yang komprehensif bagi MARDI dapat dirancang, dibangun dan diterbitkan.

Dalam mendukung aspirasi kerajaan untuk memastikan Malaysia dikenali dengan integritinya dan bukan kerana rasuahnya, MARDI komited mendukung aspirasi tersebut dengan membangunkan Pelan OACP MARDI secara holistik sebagai platform yang kukuh dalam usaha untuk membanteras permasalahan dan kelemahan dalam aspek governans, integriti dan antirasuah di MARDI. Pelan tindakan dan inisiatif yang dirancang ini mengambil kira situasi dan permasalahan semasa serta perancangan masa hadapan ke arah memperkasakan MARDI sebuah institusi berintegriti dan bebas rasuah berlandaskan tadbir urus terbaik.

Saya mewakili seluruh warga kerja Unit Integriti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh Pengurusan Tertinggi MARDI, Ahli Jawatankuasa OACP MARDI, wakil daripada Pusat Tanggungjawab, Pegawai dari Institut Integriti Malaysia, semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi 2021 – 2025 MARDI.

Besarliah harapan saya untuk melihat Pelan Antirasuah ini berjaya dilaksanakan dan menjadi panduan ke arah melaksanakan visi, misi dan matlamat yang digariskan dalam pelan ini. Justeru, adalah diharapkan warga MARDI dapat memahami, menghayati dan membudayakan integriti seterusnya menghindarkan diri daripada terjebak dengan tohmahan rasuah dan salah laku integriti. Sesungguhnya adalah menjadi tanggungjawab setiap warga MARDI untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan pelan ini.

Semoga semua warga MARDI dapat memanfaatkan penghasilan Pelan Antirasuah ini dalam usaha untuk menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah serta meningkatkan integriti setiap warga MARDI.

‘Kerja Berintegriti, Kerja Berkualiti’

Sekian, terima kasih.

NOR HAFIZAH BINTI HASSIM

Pengarah
Unit Integriti MARDI

PENYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah Organisasi/*Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) MARDI 2021 – 2025 ini adalah merupakan suatu pernyataan komitmen dan tekad warga MARDI dalam memerangi rasuah, memperkukuhkan integriti dan melaksanakan tadbir urus terbaik demi menjadikan MARDI sebagai sebuah institusi yang dihormati.

Pelan ini dibangunkan hasil daripada perkongsian maklumat dan pandangan warga MARDI secara keseluruhannya yang merentasi pelbagai skim perkhidmatan, Pusat Tanggungjawab dan pengalaman kerja. Pembangunan pelan ini juga sentiasa mendapat sokongan daripada Pengurusan Tertinggi MARDI yang amat peka dan konsisten dalam mendukung aspirasi kerajaan dan rakyat Malaysia dalam menangani isu rasuah.

Justeru, kami warga MARDI menyatakan tekad dan iltizam untuk menjayakan pelan tindakan dan inisiatif yang telah digubal dalam OACP MARDI 2021 – 2025 ini dan kami yakin bahawa pelan ini dapat menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga MARDI.



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi/*Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) MARDI 2021 – 2025 ini diwujudkan susulan daripada pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP) oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 dan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2, No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.

Pelan ini merupakan *living document* utama MARDI yang menggariskan tindakan bersepadu dan menyeluruh dalam menangani perkara berkaitan pemantapan governans, integriti dan antirasuah di MARDI bagi tempoh lima tahun mulai 2021 – 2025.

BAB 1

Memberi tumpuan berkaitan latar belakang organisasi, fungsi, visi, misi dan matlamat penubuhan MARDI serta usaha yang telah diambil melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif yang memberi fokus kepada usaha penambahbaikan tadbir urus, pengukuhan integriti dan antirasuah. Bab ini juga menyatakan perkara berkaitan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Pengurusan Tertinggi MARDI.

BAB 2

Memberi tumpuan kepada senario kemungkinan berlakunya rasuah, kelemahan integriti dan keperluan untuk memantapkan tadbir urus terbaik. Sesi perancangan senario dan pemurnian telah dilaksanakan melibatkan Ahli Jawatankuasa OACP MARDI dan wakil Pusat Tanggungjawab dalam menganalisis data, mengenal pasti risiko, punca risiko dan cadangan inisiatif penyelesaian risiko. Hasilnya, enam strategi utama telah dikenal pasti dan dijadikan teras utama dalam pelan ini.

BAB 3

Memberi tumpuan kepada enam bidang keutamaan yang akan menjadi teras dalam usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah. Enam bidang keutamaan tersebut adalah Penyelidikan, Pemindahan Teknologi, Kewangan, Tadbir Urus, Pentadbiran dan Pembangunan Kapasiti Sumber Manusia. Hasil daripada perbincangan terhadap enam bidang keutamaan ini maka terhasil enam strategi yang memayungi 11 objektif strategik dan 60 inisiatif secara keseluruhannya. Sebanyak 10 inisiatif bersifat jangka pendek (1 – 2 tahun) manakala 50 inisiatif berikutnya adalah dalam jangka masa panjang (3 – 5 tahun).

BAB 4

Memberi tumpuan kepada mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan OACP. Mekanisme ini penting bagi memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang dibuat oleh semua Pusat Tanggungjawab agar selari dengan kerangka pelaksanaan OACP MARDI. Selain itu, mekanisme ini berupaya untuk mengenal pasti risiko dan jurang dalam pelaksanaan inisiatif OACP supaya setiap perancangan yang dibuat dapat diselaraskan dengan sewajarnya agar mencapai hasil yang dihasratkan. Justeru, komitmen yang tinggi dan kerjasama semua pihak yang terlibat adalah penting dalam merealisasikan Visi dan Misi OACP MARDI 2021 – 2025.

KANDUNGAN

Amanat Ketua Pengarah MARDI
Perutusan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan OACP MARDI
Kata Alu-aluan Pengarah Unit Integriti
Penyataan Komitmen
Ringkasan Eksekutif

BAB 1:

PENGENALAN

Latar Belakang MARDI
Fungsi MARDI
Visi, Misi dan Matlamat MARDI
Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional
Keperluan Pembangunan OACP MARDI
Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko
Bidang-Bidang Berisiko

BAB 2:

PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH MARDI

Kerangka Utama OACP MARDI 2021 – 2025
Analisis Kuadran
Strategi, Objektif Strategik dan Inisiatif

BAB 3:

MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Mekanisme Pelaksanaan
Struktur Tadbir Urus OACP
Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian
Mekanisme Penilaian
Semakan dan Pembaharuan OACP

BAB 4:

KESIMPULAN DAN APRESIASI

Kesimpulan dan Harapan Merealisasikan Hala Tuju Pelan
Apresiasi



BAB

1

PENGENALAN

Latar Belakang MARDI

Fungsi MARDI

Visi, Misi dan Matlamat MARDI

Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional

Keperluan Pembangunan OACP MARDI

Analisis Persekitaran dan Penilaian Risiko

Bidang-Bidang Berisiko

PENGENALAN

LATAR BELAKANG MARDI

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah ditubuhkan pada 28 Oktober 1969 di bawah Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 [Akta 11] dan mula beroperasi sepenuhnya pada Mac 1971. Objektif utama penubuhan MARDI adalah untuk menjana dan mempromosikan teknologi wajar dan efisien demi kemajuan industri makanan, pertanian dan industri asas tani.

MARDI diurus dan dipandu mengikut dasar dan peraturan yang diputuskan oleh Lembaga Pengelola MARDI dengan persetujuan Menteri Pertanian dan Industri Makanan. Bagi perkara berkaitan urusan kewangan, persetujuan Menteri Kewangan turut diperlukan. Majlis Sains MARDI pula berperanan untuk memastikan program teknikal MARDI mencapai tahap kualiti dan keberkesanan yang maksimum.

FUNGSI MARDI

Sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta 11, MARDI diberi mandat untuk melaksanakan fungsi berikut:

- a) untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang sains, teknikal, ekonomi dan sosial berkenaan dengan:
 - i) pengeluaran, penggunaan dan pemprosesan segala tanaman (kecuali getah, kelapa sawit dan koko), ternakan dan makanan; dan
 - ii) perladangan campuran;
- b) berkhidmat sebagai pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat dan nasihat berkenaan dengan perkara saintifik, teknikal dan ekonomi yang berkaitan dengan industri makanan dan pertanian serta industri asas tani melalui penerbitan laporan, terbitan berkala dan kertas kerja berhubungan dengannya serta mengelolakan pameran, persidangan, syarahan dan seminar;
- c) menjadi satu pusat yang memberikan perkhidmatan pakar dalam industri pertanian, industri makanan dan pertanian serta asas tani seperti perkhidmatan perundingan, makmal analisis, jaminan kualiti serta R&D;
- d) memberi latihan untuk kemajuan industri makanan dan asas tani serta industri pertanian;
- e) memberikan bantuan bagi tujuan R&D dalam bidang sains tulen dan guna, teknikal dan ekonomi berkenaan dengan industri pertanian;
- f) mengekalkan hubungan dengan organisasi lain, sama ada awam atau swasta, dalam atau luar negara yang mengambil bahagian dalam penyelidikan saintifik, teknikal, ekonomi dan sosial berkenaan dengan industri makanan, pertanian serta industri asas tani;
- g) menjalankan penyelidikan dan pengeluaran berbentuk komersial;
- h) membangunkan, mempromosikan dan mengeksploitasikan penemuan penyelidikan; dan
- i) memberi perkhidmatan pengembangan kepada industri makanan dan pertanian serta industri asas tani.



Peranan MARDI telah berkembang daripada pembangunan keupayaan, penubuhan sistem penanaman dan perladangan ke arah pengkomersialan teknologi, pengurusan kualiti menyeluruh dan budaya kecemerlangan bagi mencapai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

VISI, MISI DAN MATLAMAT MARDI

VISI

Penjana terulung teknologi inovatif untuk kelestarian dan daya saing industri pertanian menjelang 2030

MISI

- a) Memacu produktiviti dan kelestarian pertanian melalui penjaan dan pemindahan teknologi moden, cekap dan kos efektif
- b) Memperkukuhkan sumber kewangan, kompetensi, fasiliti dan infrastruktur bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan
- c) Meningkatkan visibiliti dan tadbir urus yang baik melalui pengurusan yang berkesan, cekap, telus dan akauntabiliti

MATLAMAT

- a) Membangunkan teknologi yang bersesuaian dan moden
- b) Menyebar luas maklumat saintifik dan memindahkan teknologi
- c) Memulihara dan menggunakan secara lestari biodiversiti pertanian
- d) Melahirkan usahawan yang berjaya
- e) Memupuk budaya saintifik dan beretika

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

EPISOD PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA

Agenda pencegahan rasuah telah menjadi keutamaan negara dan dilaksanakan melalui beberapa inisiatif yang telah digarap sedemikian cara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Beberapa inisiatif di peringkat nasional telah dilaksanakan seperti berikut:

- **PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN)**

Pelan Integriti Nasional (PIN) adalah bertujuan untuk merealisasikan cabaran keempat, hasrat Wawasan 2020 iaitu

Terdapat lima sasaran yang diletakkan dalam pelaksanaan PIN iaitu mengurangkan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara berkesan; meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian khidmat awam, mengatasi kerenah birokrasi dan penyelewengan; meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan; memantapkan institusi keluarga; dan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.



“membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya yang mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur”



- **PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) 1.0 (2010)**

Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0 merupakan program untuk mentransformasikan secara radikal cara bekerja kerajaan agar dapat menghasilkan penyelesaian sebenar bagi isu-isu sebenar agar kerajaan bersama dengan rakyat dapat mara ke hadapan dengan langkah yang teguh sebagai sebuah negara. Terdapat enam tonggak atau Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan antaranya adalah berkaitan usaha membanteras rasuah.

- **PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) 2.0 (2012)**

Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 merupakan program kesinambungan daripada GTP 1.0 dengan penambahan kepada tonggak atau Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan dalam masa yang meneruskan usaha membanteras rasuah.

- **PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP)**

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) berkaitan rasuah dalam usaha kerajaan menetapkan matlamat jelas untuk mencapai visi nasional sebagai negara bebas rasuah. Pelan ini dibangunkan selaras dengan Artikel 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Memerangi Rasuah (*United Nations Convention Against Corruption* – UNCAC). NACP telah mengenal pasti enam bidang berisiko yang utama iaitu Tadbir Urus Politik; Pentadbiran Sektor Awam; Perolehan Awam; Perundangan dan Kehakiman; Penguatkuasaan Undang-Undang dan Tadbir Urus Korporat.



EPISOD PENCEGAHAN RASUAH MARDI

MARDI sebagai sebuah agensi awam sentiasa mendukung usaha kerajaan dalam memantapkan governans, integriti dan antirasuah. MARDI telah melaksanakan pelbagai program intervensi dan pengukuhan integriti dalam kalangan warga kerjanya seperti berikut:

- **IKRAR INTEGRITI KORPORAT**

Ikrar Integriti Korporat atau *Corporat Integrity Pledge* (CIP) adalah merupakan satu inisiatif yang memerlukan jabatan dan agensi kerajaan serta syarikat di Malaysia untuk mematuhi dan memegang Prinsip Antirasuah. MARDI telah menandatangani akuan Ikrar Integriti Korporat ini pada **26 Mac 2014** dengan tekad untuk sentiasa mengamalkan budaya kerja berintegriti, memperkukuhkan tahap mekanisme kawalan dalaman, menerapkan nilai murni, tidak melakukan apa-apa kesalahan rasuah, amalan tadbir urus yang bebas daripada rasuah, bersama pemegang taruh mewujudkan persekitaran bebas rasuah, mendukung Prinsip Antirasuah dan bertindak tegas terhadap pihak yang menggugat integriti.

- **IKRAR BEBAS RASUAH**

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan suatu inisiatif yang memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para pemimpin

MARDI dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama memegang jawatan tersebut. Barisan kepimpinan MARDI telah menandatangani pada **6 Oktober 2017**.

- **POLISI TIADA HADIAH**

Polisi tiada hadiah MARDI yang dilancarkan pada tahun **2018** adalah merupakan inisiatif intervensi iaitu pegawai MARDI tidak boleh menerima atau memberikan dan tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain untuk menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah, jika penerimaan atau pemberian hadiah itu dalam apa-apa segi mempunyai kaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan tugas rasminya.



- **PROGRAM SAHABAT GERAH**

Sahabat GERAH (Gerakan Revolusi Antirasuah) merupakan suatu platform untuk memberi peluang kepada masyarakat bersama dengan SPRM untuk menjadi mata dan telinga dalam usaha pencegahan rasuah. Masyarakat juga turut diajak menyumbang tenaga dan buah fikiran serta bertindak sebagai ejen SPRM untuk menyebarkan mesej antirasuah bagi memastikan rasuah diperangi habis-habisan. Program ini dilaksanakan sepanjang tahun **2017 – 2018**.

- **KEMPEN 3J (JANGAN HULUR, JANGAN KAWTIM, JANGAN SETTLE)**

Kempen 3J merupakan program intervensi iaitu bagi menyampaikan mesej yang kuat kepada pegawai MARDI untuk membanteras rasuah secara bersama. Usaha pencegahan rasuah bukanlah tanggungjawab SPRM sahaja malah ia melibatkan usaha menyeluruh rakyat Malaysia dalam menjadikan negara bebas daripada belenggu rasuah. Kempen 3J di MARDI dilancarkan pada **6 Oktober 2017**.

- **PENGURUSAN RISIKO RASUAH/CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM)**

Pengurusan Risiko Rasuah/*Corruption Risk Management* (CRM) merupakan alat pengurusan (*Management Tool*) yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dengan menghasilkan pelan pengurusan risiko rasuah dan mewujudkan sebuah sistem pengurusan yang bercirikan antirasuah dan mendukung nilai integriti dalam 'menangani ketidakpastian'. CRM MARDI telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Bilangan 2 Tahun 2016 bertarikh 22 Julai 2016 yang melibatkan enam risiko. CRM MARDI bagi tempoh 2020 – 2021 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) MARDI Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 18 Ogos 2020 yang melibatkan lapan risiko.

KEPERLUAN PEMBANGUNAN OACP MARDI

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan satu dokumen bagi usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Keperluan mewujudkan OACP adalah selaras dengan inisiatif di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 iaitu di bawah Bidang Keutamaan: Pentadbiran Sektor Awam dan Bidang Keutamaan: Tadbir Urus Korporat. Inisiatif 2.1.5 dan inisiatif 6.2.1 di bawah NACP mewajibkan sektor awam, Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui kenyataan media pada 8 Disember 2020 menyatakan bahawa statistik tangkapan SPRM dari tahun 2015 sehingga Oktober 2020 menyaksikan seramai 2,607 penjawat awam ditahan kerana terbabit dalam gejala rasuah. Tangkapan membabitkan Kumpulan Pelaksana merekodkan jumlah tertinggi iaitu 1,884 individu diikuti Kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 658 manakala Kumpulan Pengurusan Tertinggi pula mencatatkan seramai 65 individu.



KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI

65



KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

658



KUMPULAN PELAKSANA

1,884



Sebagai sebuah agensi kerajaan, MARDI dengan mengambil kira senario rasuah negara terutamanya melibatkan penjawat awam serta usaha kerajaan melalui inisiatif yang ditetapkan di bawah NACP telah mewujudkan OACP MARDI 2021 – 2025. Pelaksanaan OACP MARDI bagi tempoh lima tahun ini amat signifikan dalam mencerminkan usaha MARDI untuk terus menyokong kerajaan dan aspirasi rakyat Malaysia bagi membentuk sebuah negara yang bebas rasuah dengan warganya membudayakan ketelusan, akauntabiliti dan


integriti. Pelan ini juga dapat membantu MARDI untuk menangani isu governans, integriti dan antirasuah secara menyeluruh selain undang-undang yang membolehkan tindakan punitif diambil terhadap individu yang sengaja menyebabkan ketirisan, pemborosan atau pembaziran dana kerajaan. Imej dan kualiti perkhidmatan MARDI juga dapat dimantapkan ke arah memberi perkhidmatan terbaik kepada pihak berkepentingan menerusi pelaksanaan OACP ini.




ANALISIS PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO

Pengumpulan maklumat bagi membina satu Pangkalan Data OACP untuk proses penilaian risiko telah diadakan pada 27 Februari 2020 dan 20 Mei 2020 yang melibatkan Ahli Jawatankuasa OACP MARDI. Data tersebut adalah seperti berikut:

Data Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) melibatkan maklumat berkaitan pengukuran tahap amalan nilai murni di MARDI dan membantu pihak pengurusan untuk membangunkan program-program bersesuaian untuk menimbulkan kesedaran, mengukuhkan penghayatan dan mengekalkan amalan nilai dalam kalangan pegawai MARDI. Indeks Nilai Komposit MARDI pada tahun 2018 adalah pada skor 80.98% manakala untuk tahun 2019 berada pada skor 81.82%. Kedua-dua skor tersebut meletakkan pengamalan nilai murni dalam kalangan pegawai MARDI berada pada tahap boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan. Soalan yang mendapat skor yang rendah telah dikenal pasti dan dijadikan sumber kepada penilaian risiko.




Indeks Nilai Komposit MARDI



Data aduan diterima oleh Unit Integriti

melibatkan jumlah aduan berdasarkan pelbagai sumber dan klasifikasi mengikut sektor bagi tempoh tiga tahun bermula 2017 sehingga 2019. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 94 aduan diterima daripada pelbagai sumber iaitu 32% aduan melalui surat rasmi, 25.5% surat layang, 10.6% penemuan Laporan Audit, 9.56% dari Unit Integriti MAFI dan SPRM, 7.5% aduan bersemuka, 5.3% melalui e-mel, 4.25% dari Biro Pengaduan Awam, 3.19% melalui telefon dan aplikasi WhatsApp dan 2.1% melalui keputusan mesyuarat.

Klasifikasi aduan mengikut bidang menunjukkan 68% adalah berkaitan hal ehwal pentadbiran, 14% berkaitan urusan perolehan manakala 18% berkaitan pengurusan kewangan. Klasifikasi dan butiran aduan dijadikan sumber kepada penilaian risiko.



Klasifikasi aduan mengikut bidang

Data penemuan Laporan Audit melibatkan penemuan audit oleh Pusat Audit Dalam bagi tempoh tiga tahun bermula 2017 – 2019. Sepanjang tempoh tersebut, beberapa penemuan audit telah dikenal pasti iaitu melibatkan penemuan bagi urusan perakaunan, perolehan, panjar wang runcit, pengurusan dana, pengurusan aset, pengurusan kenderaan, pengurusan fasiliti, pengurusan usahawan, pembayaran royalti dan hal ehwal pentadbiran. Keterangan penemuan audit ini dijadikan sumber kepada penilaian risiko.

Data daripada Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir urus (JITU) dan Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR) melibatkan pelaporan oleh Pusat Tanggungjawab dan Mesyuarat JITU MARDI Bilangan 1 dan 2 tahun 2019 serta Mesyuarat JAR MARDI Bilangan 2 tahun 2019. Pelaporan daripada kedua-dua mesyuarat tersebut dijadikan sumber kepada penilaian risiko.


Data daripada laporan pengaduan awam melibatkan penerimaan aduan melalui Sistem Aduan dan Maklumbalas Pelanggan (FMS) dan Biro Pengaduan Awam. Sepanjang tempoh tiga tahun, MARDI telah menerima sebanyak sembilan aduan melibatkan pelbagai perkara berkaitan perkhidmatan dan tatakelakuan. Butiran aduan tersebut dijadikan sumber kepada penilaian risiko.

Data berkaitan pengurusan teknologi maklumat melibatkan perkara yang dibangkitkan dalam minit mesyuarat jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam urusan ICT serta mana-mana jawatankuasa yang membangkitkan isu untuk memantapkan pengurusan ICT di MARDI. Maklumat tersebut dijadikan sumber kepada penilaian risiko.

Data berkaitan sumber manusia melibatkan perkara yang telah dinyatakan dalam Pelan Hala Tuju Strategik Sumber Manusia jangka masa

pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Maklumat tersebut dijadikan sumber kepada penilaian risiko.

Data daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) diperoleh melibatkan bilangan Laporan SPRM (LSPRM) yang diterima oleh MARDI dan statistik seksyen kesalahan (maklumat) yang diuruskan oleh SPRM. Sepanjang tempoh tiga tahun, MARDI telah menerima dua LSPRM yang melibatkan urusan perolehan. Statistik SPRM menunjukkan bahawa sebanyak 22 maklumat telah diterima oleh pihak mereka iaitu 18.2% di bawah Seksyen 16 (menerima rasuah), 13.7% di bawah Seksyen 18 (tuntutan palsu), 22.7% di bawah Seksyen 23 (salah guna kuasa), 4.5% di bawah Kanun Keseksaan dan 40.9% di bawah kesalahan lain. Data ini dijadikan sumber kepada penilaian risiko.



Data berkaitan tindakan punitif dan tatatertib diperolehi melibatkan prosiding tatatertib yang telah dilaksanakan terhadap pegawai Kumpulan Sokongan dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional MARDI melalui Jawatankuasa Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat serta Jawatankuasa Tatatertib Bukan Dengan Tujuan Buang Kerja atau Turun Pangkat.

Data menunjukkan bahawa sepanjang tempoh tiga tahun bermula tahun 2017 sehingga 2019 seramai 41 orang pegawai MARDI iaitu terdiri daripada 35 orang pegawai Kumpulan Sokongan dan enam orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional telah dirujuk untuk tindakan prosiding tatatertib.

JAWATAN	BILANGAN	JUMLAH	PERATUS
Pekerja Am	2	35	4.9
Pemandu	3		7.3
Pembantu Awam	11		26.8
Pembantu Operasi	5		12.2
Pembantu Penyelidik	1		2.4
Pembantu Tadbir	2		4.9
Penolong Pegawai Tadbir	2		4.9
Penolong Pegawai Penyelidik	7		17.2
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	1		2.4
Penolong Jurutera	1	6	2.4
Pegawai Penyelidik	5		12.2
Jurutera	1		2.4
JUMLAH		41	100

KESALAHAN	BILANGAN	PERATUS
Perolehan	5	12.2
Gangguan Seksual	1	2.4
Sijil Cuti Sakit Palsu	1	2.4
Sijil Cuti Sakit Palsu dan Pinda Sijil Cuti Sakit	1	2.4
Resit Perubatan Palsu	4	9.8
Sabitkan Mahkamah Jenayah	1	2.4
Tidak Hadir Bertugas dan Dapat Dikesan	16	39.2
Tidak Hadir Bertugas dan Tidak Dapat Dikesan	1	2.4
Kesalahan Berkaitan Aset	2	4.9
Penemuan Audit	4	9.8
Mencemar Imej Jabatan dan Tidak Bertanggungjawab	1	2.4
Pengurusan Terimaan Wang Hasil dan Ingkar Perintah	1	2.4
Keluar Negara Tanpa Kebenaran	1	2.4
Tuntutan Palsu	2	4.9
JUMLAH	41	100

HUKUMAN	BILANGAN	PERATUS
Amaran	7	17.2
Amaran dan Tangguh Pergerakan Gaji 6 Bulan	1	2.4
Amaran dan Tangguh Pergerakan Gaji 9 Bulan	1	2.4
Amaran dan Tangguh Pergerakan Gaji 12 Bulan	4	9.8
Amaran dan Turun Gaji 12 Bulan	1	2.4
Amaran dan Turun Gaji 36 Bulan	1	2.4
Tangguh Pergerakan Gaji 12 Bulan	4	9.8
Turun Gaji	1	2.4
Turun Pangkat	2	4.9
Buang Kerja	17	41.4
Bebas	2	4.9
JUMLAH	41	100

Bengkel Pembangunan OACP MARDI 2021 – 2025 telah diadakan pada 2 – 4 September 2020. Setiap isu yang timbul daripada pangkalan data telah diperincikan lagi menjadi enam bidang keutamaan yang cenderung terhadap kelemahan governans, integriti dan gejala rasuah. Data ini telah dianalisis berdasarkan nilai kekerapan untuk tempoh tiga tahun (2017 – 2019) dan impaknya terhadap MARDI. Selain itu, perancangan senario juga digunakan bagi isu yang tidak bersumber data dan bersifat untuk menangani ketidakpastian yang mungkin timbul pada masa lepas, sekarang dan akan datang. Bengkel Pembangunan OACP telah menghasilkan sebanyak 162 inisiatif dalam pelan tindakan.

Sesi Mesyuarat Pemurnian OACP MARDI 2021 – 2025 telah diadakan pada 1 – 2 Disember 2020 secara atas talian dengan penglibatan Ketua Pusat Tanggungjawab yang terlibat dalam pelaksanaan cadangan inisiatif. Sesi Mesyuarat Pemurnian OACP telah merumuskan sebanyak 58 inisiatif dalam pelan tindakan.

Draf OACP MARDI 2021 – 2025 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah MARDI Bilangan 3 Tahun 2020 pada 21 Disember 2020 dan telah diluluskan dengan penambahan menjadikan keseluruhan inisiatif di bawah pelan tindakan sebanyak 60.



BIDANG-BIDANG BERISIKO

BIDANG KEUTAMAAN: PENYELIDIKAN

Penyelidikan merujuk kepada semua aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan bertujuan untuk menyokong Dasar Agromakanan Negara serta dasar dan inisiatif agropertanian berkaitan. Aktiviti penyelidikan MARDI melibatkan bidang padi dan beras; hortikultur; tanaman industri; sains ternakan;

sains dan teknologi makanan; sains tanah, air dan baja; agrobiodiversiti dan persekitaran; kejuruteraan; bioteknologi dan nanoteknologi dan sosioekonomi, risikan pasaran dan agribisnes. Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada hasil penyelidikan, dapatan data penyelidikan dan maklumat serta deklarasi penerbitan.

BIDANG KEUTAMAAN: PEMINDAHAN TEKNOLOGI

Pemindahan teknologi merujuk kepada semua aktiviti pemindahan teknologi yang dilaksanakan secara pengkomersialan dan kegunaan umum. Aktiviti pemindahan teknologi melibatkan urusan pemindahan teknologi dan pembangunan

usahawan; dan pengkomersialan teknologi dan bisnes. Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada pemindahan teknologi dan aktiviti pengembangan, khidmat nasihat yang melibatkan pemberian geran dan perkhidmatan lain.

BIDANG KEUTAMAAN: KEWANGAN

Kewangan melibatkan proses kerja belanjawan, perolehan, pengurusan perakaunan dan pengurusan aset sepertimana dinyatakan dalam Peraturan Kewangan MARDI dan mana-mana garis panduan atau pekeliling berkaitan pengurusan kewangan yang sedang berkuat kuasa. Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada pematuhan prosedur kewangan dalam urusan perolehan, pembayaran dan terimaan.



BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS

Tadbir Urus merujuk kepada aspek dan tatacara pengurusan di semua peringkat dalam melaksanakan tanggungjawab dari segi struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan. Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada pencegahan penyalahgunaan kuasa, pengurusan anak syarikat milik MARDI, pengurusan maklumat terperinci, tatacara kerja dan kaedah komunikasi yang sewajarnya.

BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN

Pentadbiran merujuk kepada fungsi pengurusan yang terdapat dalam sesuatu Pusat Tanggungjawab demi mencapai sesuatu tujuan atau pematuhan kepada mana-mana peraturan, garis panduan atau pekeliling yang sedang berkuat kuasa. Aktiviti pentadbiran antaranya melibatkan urusan berkaitan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan sumber maklumat, keselamatan dan lain-lain aktiviti pentadbiran. Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada hal-hal pentadbiran berkaitan pengurusan kenderaan, pengurusan stor, pengurusan aset, pengurusan teknologi maklumat, sistem penyampaian maklumat dan sistem kawalan keselamatan.

BIDANG KEUTAMAAN: PEMBANGUNAN KAPASITI SUMBER MANUSIA

Pembangunan kapasiti sumber manusia merangkumi satu usaha untuk melatih dan membimbing sumber manusia dengan tujuan untuk mencapai tahap kecekapan dan kepakaran serta mempunyai kemahiran bagi disumbangkan kepada organisasi semula. Ia merupakan usaha pengurusan yang bersistematik bagi memastikan kehendak-kehendak MARDI dapat dicapai. Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada modal insan yang berketerampilan, persekitaran kerja yang harmoni, kepatuhan kepada peraturan dan penekanan kepada budaya kerja berintegriti.





BAB

2

PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH MARDI

Kerangka Utama OACP MARDI 2021 – 2025

Analisis Kuadran

Strategi, Objektif Strategik dan Inisiatif

PEMANTAPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH MARDI

STRATEGI	OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF	JANGKA PENDEK (1 – 2 TAHUN)	JANGKA PANJANG (3 – 5 TAHUN)
6	11	60	10	50

KERANGKA OACP

VISI	MARDI BERINTEGRITI DAN BEBAS RASUAH BERLANDASKAN TADBIR URUS TERBAIK					
MISI	MEMBUDAYAKAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS TERBAIK DEMI KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERTANIAN MARDI			MENGUKUHKAN PERANAN MARDI SEBAGAI PEMACU PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERTANIAN YANG TELUS DAN BEBAS RASUAH		
MATLAMAT	MENINGKATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERKESAN SELARAS DENGAN FUNGSI MARDI DI BAWAH AKTA INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA 1969 [AKTA 11]		MEMPERKUKUHKAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN BAGI MEMBANTERAS RASUAH, SALAH GUNA KUASA DAN PENYELEWENGAN DALAM KALANGAN WARGA MARDI DAN ANAK SYARIKAT		MEMANTAPKAN PROFESIONALISME, AKAUNTABILITI DAN NILAI-NILAI MURNI WARGA MARDI DAN ANAK SYARIKAT	
BIDANG KEUTAMAAN	PENYELIDIKAN	PEMINDAHAN TEKNOLOGI	KEWANGAN	TADBIR URUS	PENTADBIRAN	PEMBANGUNAN KAPASITI SUMBER MANUSIA
STRATEGI	MELAHIRKAN PENYELIDIK BERKOMPETEN DAN BERINTEGRITI	MENINGKATKAN KETELUSAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI MARDI	MEMPERKASAKAN KETELUSAN PENGURUSAN KEWANGAN MARDI	MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS MARDI KE ARAH PENGAWALSALIAAN YANG TELUS DAN BERKESAN	MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DALAMAN MARDI	MEMPERKASAKAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA MARDI

ANALISIS KUADRAN OACP MARDI

Analisis kuadran menggambarkan keutamaan bagi **60 inisiatif** yang dikenal pasti berdasarkan analisis pangkalan data dan perancangan senario merangkumi kesemua bidang keutamaan OACP MARDI. 60 inisiatif ini ditentukan tahap impak dan kompleksiti pelaksanaannya. Sebanyak **33 inisiatif** berada dalam kelompok kuadran A iaitu tergolong dalam inisiatif berimpak tinggi dan kompleksiti rendah. Sebanyak **17 inisiatif** berada dalam kelompok kuadran B iaitu tergolong dalam inisiatif berimpak tinggi dan kompleksiti tinggi manakala **10 inisiatif** dalam kelompok kuadran C iaitu tergolong dalam inisiatif berimpak rendah dan kompleksiti rendah.

KOMPLEKSITI	Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif
IMPAK	Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

KUADRAN A Kuadran A mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH	KUADRAN B Kuadran B mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI TINGGI
KUADRAN C Kuadran C mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI RENDAH	KUADRAN D Kuadran D mewakili inisiatif BERIMPAK RENDAH, KOMPLEKSITI TINGGI

STRATEGI 1	MELAHIRKAN PENYELIDIK BERKOMPETEN DAN BERINTEGRITI
STRATEGI 2	MENINGKATKAN KETELUSAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI MARDI
STRATEGI 3	MEMPERKASAKAN KETELUSAN PENGURUSAN KEWANGAN MARDI
STRATEGI 4	MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS MARDI KE ARAH PENGAWALSELIAAN YANG TELUS DAN BERKESAN
STRATEGI 5	MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DALAMAN MARDI
STRATEGI 6	MEMPERKASAKAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA MARDI

KEUTAMAAN STRATEGI: PENEKANAN TERHADAP 60 INISIATIF UTAMA

Ringkasan berikut merupakan 60 inisiatif yang perlu diberi penekanan dalam menjayakan pelan tindakan bagi menjayakan visi, misi dan matlamat OACP MARDI 2021 – 2025. Ia berdasarkan enam strategi utama berkaitan penyelidikan, pemindahan teknologi, kewangan, tadbir urus, pentadbiran dan pembangunan kapasiti sumber manusia.

STRATEGI 1: MELAHIRKAN PENYELIDIK BERKOMPETEN DAN BERINTEGRITI

BIL	INISIATIF	KUADRAN
1	Menguatkuasakan dasar dan garis panduan pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan secara berterusan	A
2	Meningkatkan kesedaran Pegawai Penyelidik dan warga Institut berkaitan etika penyelidikan dan pembangunan secara berterusan	A
3	Membangunkan garis panduan etika penulisan sebagai rujukan warga Institut	A
4	Mengukuhkan serta memantapkan mekanisme pemantauan terhadap projek-projek penyelidikan di setiap peringkat secara berterusan	B
5	Melaksanakan semula Program Mentor–Mentee secara komprehensif selaras dengan pelantikan baharu penyelidik secara berterusan	B
6	Membangunkan serta mengukuhkan pangkalan data penyelidikan berpusat yang merangkumi keseluruhan penyelidikan dan pembangunan dengan platform yang lebih mesra pengguna	B
7	Menguruskan tindakan punitif terhadap pegawai dan penyelia yang melakukan sebarang pelanggaran tatakelakuan, etika organisasi dan salah laku jenayah berdasarkan Akta Badan–Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] atau mana-mana peraturan yang sedang berkuat kuasa	B
8	Menyediakan latihan berkaitan etika penyelidikan kepada Pegawai Penyelidik secara berterusan	C
9	Menambah baik <i>reward system</i> kepada penyelidik melalui penganugerahan pencapaian penyelidikan secara berterusan	C

10	Menambah baik serta memantapkan Terma Rujukan (TOR) jawatankuasa penerbitan di setiap peringkat dari semasa ke semasa	C
11	Menyediakan latihan/bengkel/kursus etika penulisan kepada pegawai secara berterusan	C

STRATEGI 2: MENINGKATKAN KETELUSAN TERHADAP PEMINDAHAN TEKNOLOGI

BIL	INISIATIF	KUADRAN
12	Menambah baik dan menguatkuasakan pematuhan ke atas Dasar Pemindahan Teknologi	A
13	Menyebarkan luas Dasar Pemindahan Teknologi kepada semua warga Institut secara berterusan	A
14	Membangunkan dan menguatkuasakan kod etika pemindahan teknologi	A

STRATEGI 3: MEMPERKASAKAN KETELUSAN PENGURUSAN KEWANGAN MARDI

BIL	INISIATIF	KUADRAN
15	Menyemak semula, menambah baik dan menguatkuasakan Peraturan Kewangan MARDI selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling-pekeling yang berkuat kuasa secara berterusan	A
16	Menyemak semula dan memperkukuhkan mekanisme pusingan kerja (<i>job rotation</i>) secara mandatori	A
17	Membangunkan Polisi Percanggahan Kepentingan (<i>Conflict of Interest Policy</i>) Institut yang jelas dan menyeluruh	A
18	Menambah baik dan mengguna pakai myPortfolio secara menyeluruh dalam urusan kerja warga Institut	A
19	Memperkenalkan dan melaksanakan tapisan integriti kepada warga Institut secara berterusan	A
20	Menambah baik <i>reward system</i> kepada warga Institut melalui penganugerahan pencapaian terhadap penilaian prestasi secara berterusan	A

21	Menambah baik serta memperkukuhkan mekanisme kawalan dalaman berkenaan dengan pengurusan kewangan secara berterusan – <i>Integrity Pact</i> , pemantauan/penyeliaan, penurunan kuasa yang telus dan jelas serta pengurusan rekod yang cekap	B
22	Memperkenalkan mekanisme pengauditan secara pendigitalan bagi semua operasi dan proses yang berkaitan di Institut	B
23	Melaksanakan Program Intervensi dan Pengukuhan Integriti (PIPI) dan kefahaman berkaitan Akta SPRM 2009, Akta Badan-badan Berkanun, (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), Peraturan Kewangan MARDI (PKM) dan mana-mana akta yang sedang berkuat kuasa secara berterusan	B
24	Meningkatkan kesedaran dan kefahaman warga Institut berkaitan Peraturan Kewangan MARDI (PKM), tadbir urus serta penerapan nilai murni dan peningkatan integriti yang berkesan dan berfokus (<i>soft control</i>) secara berterusan	C

STRATEGI 4: MEMANTAPKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS MARDI KE ARAH PENGAWALSELIAAN YANG TELUS DAN BERKESAN

BIL	INISIATIF	KUADRAN
25	Membangunkan Polisi Pemberi Maklumat (<i>Whistleblower Policy</i>) Institut dan mewujudkan saluran pemberi maklumat (<i>Whistleblower Channel</i>) untuk warga Institut	A
26	Menambah baik dan memperkasakan sistem pemantauan ke atas warga Institut secara berterusan	A
27	Menyemak semula serta menambah baik Polisi Penerimaan Hadiah dan Keraian secara menyeluruh	A
28	Merangka strategi komunikasi dua hala yang efektif dalam komunikasi korporat secara berterusan	A
29	Mewujudkan Unit Integriti bagi Anak Syarikat MARDI selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh SPRM	B
30	Membangunkan, melaksanakan dan mendapatkan pensijilan ISO37001:2016 – Anti-Bribery Management System – (ABMS) MARDI CORPORATION	B

31	Membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MARDI CORPORATION	B
32	Mewujudkan <i>Integrity Champion</i> di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ)	B
33	Taklimat kesedaran mengenai Seksyen 17A Akta SPRM	C
34	Membangunkan Garis Panduan dan Tatacara Penggunaan Media Sosial dalam kalangan warga Institut	C
35	Menganjurkan kempen kesedaran bagi meningkatkan kredibiliti perkhidmatan awam berkaitan kesedaran keselamatan ICT berdasarkan maklumat yang diterima daripada agensi pusat (MAMPU, Majlis Keselamatan Negara, Cyber Security) (terutama bila berlaku insiden global) secara berterusan	C
36	Menyebarkan mesej kesedaran mengenai keperluan mematuhi semua tatacara dan garis panduan dalam perkhidmatan awam serta arahan Institut melalui pelbagai saluran kepada warga Institut secara berterusan	C
37	Membangunkan, melaksanakan dan mendapatkan pensijilan ISO37001:2016 – Anti-Bribery Management System – (ABMS) MARDI	B
38	Menambah baik kemahiran berkomunikasi warga Institut melalui latihan secara berterusan	C

STRATEGI 5 : MEMPERKUKUKKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DALAMAN MARDI

BIL	INISIATIF	KUADRAN
39	Menambah baik dan menguatkuasakan pematuhan terhadap Peraturan Pengurusan Kenderaan Institut secara berterusan	A
40	Memberi Latihan Khusus Pengendalian Aset Kerajaan Kepada Pegawai Kenderaan dan Pemandu secara berterusan	A
41	Menambah baik dan menguatkuasakan pematuhan Peraturan Pengurusan Aset Institut secara berterusan	A

42	Memberi Latihan Khusus Pengendalian Aset Kerajaan kepada Pegawai Aset secara berterusan	A
43	Menambah baik dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan dokumen secara berterusan	A
44	Menyediakan dan memberikan latihan peningkatan keupayaan serta kemahiran berkenaan pengendalian kerahsiaan dokumen, dokumen terperingkat selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan kepada seluruh warga Institut secara berterusan	A
45	Menambah baik dan menguatkuasakan pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT secara berterusan	A
46	Memberi Latihan Khusus Pengurusan Keselamatan kepada warga Institut secara berterusan	A
